

D.R. 21/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan am

2. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “pengguna data” di mana-mana juga terdapat termasuk dalam nota bahu dengan perkataan “pengawal data” kecuali dalam takrif “daftar” di bawah seksyen 4, dan seksyen 9.

Pindaan seksyen 4**3. Akta ibu dipinda dalam seksyen 4—**

- (a) dalam takrif “daftar”, dengan menggantikan perkataan “Daftar Pengguna Data, Daftar Forum Pengguna Data” dengan perkataan “Daftar Pengawal Data, Daftar Forum Pengawal Data”;
- (b) dengan memasukkan selepas takrif “daftar” takrif yang berikut:

‘“data biometrik” ertinya apa-apa data peribadi yang terhasil daripada pemprosesan teknikal yang berhubungan dengan ciri-ciri fizikal, fisiologi atau tingkah laku seseorang;’;
- (c) dalam takrif “data peribadi sensitif”, dengan memasukkan selepas perkataan “pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya” perkataan “, data biometrik”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “pegawai diberi kuasa” takrif yang berikut:

‘“pelanggaran data peribadi” ertinya apa-apa pelanggaran data peribadi, kehilangan data peribadi, salah guna data peribadi atau akses tanpa kebenaran data peribadi;’;
- (e) dalam takrif “peminta”, dengan menggantikan perkataan “permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data” dengan perkataan “permintaan mengakses data, permintaan pembetulan data atau permintaan kemudahalihan data”; dan
- (f) dalam takrif “subjek data”, dengan memasukkan selepas perkataan “data peribadi itu” perkataan “dan tidak termasuk individu yang telah meninggal dunia”.

Pindaan seksyen 5

4. Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika pemprosesan data peribadi dijalankan oleh seorang pemproses data bagi pihak pengawal data, pemproses data itu hendaklah mematuhi Prinsip Keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 9.”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “atau seseorang pemproses data yang melanggar subseksyen (1A)”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “tiga ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya” dengan perkataan “satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan seksyen 9

5. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “pengguna data hendaklah,” dengan perkataan “pengawal data dan seseorang pemproses data hendaklah,”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “pengguna data, pengguna data itu hendaklah,” dengan perkataan “seorang pengawal data, pemproses data itu hendaklah,”;
- (ii) dengan memotong perkataan “, memastikan bahawa pemproses data itu”; dan

- (iii) dalam teks bahasa Inggeris—
- (A) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “provides” dengan perkataan “provide”; dan
- (B) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “takes” dengan perkataan “take”.

Penggal baharu 1A Bahagian II

6. Akta ibu dipinda dalam Bahagian II dengan memasukkan selepas seksyen 12 penggal yang berikut:

“Penggal 1A

Akauntabiliti data peribadi

Pelantikan pegawai perlindungan data

12A. (1) Seseorang pengawal data hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data yang hendaklah bertanggungan kepada pengawal data bagi pematuhan Akta ini.

(2) Jika pemprosesan data peribadi dijalankan oleh seorang pemproses data bagi pihak pengawal data, pemproses data hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data yang hendaklah bertanggungan kepada pemproses data bagi pematuhan Akta ini.

(3) Pengawal data itu hendaklah memberitahu Pesuruhjaya tentang pelantikan pegawai perlindungan data mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(4) Pelantikan pegawai perlindungan data di bawah subseksyen (1) dan (2) tidak melepaskan pengawal data atau pemproses data daripada semua kewajipan dan fungsi di bawah Akta ini.

Pemberitahuan pelanggaran data

12B. (1) Jika seseorang pengawal data mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pelanggaran data peribadi telah berlaku, pengawal data itu hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, memberitahu Pesuruhjaya mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya.

(2) Jika pelanggaran data peribadi di bawah subseksyen (1) mengakibatkan atau berkemungkinan mengakibatkan apa-apa kemudaran yang ketara kepada subjek data, pengawal data hendaklah memberitahu pelanggaran data peribadi itu kepada subjek data mengikut cara dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Pesuruhjaya tanpa kelengahan yang tidak perlu.

(3) Seseorang pengawal data yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 16

7. Subseksyen 16(3) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “Pendaftar” dengan perkataan “Pesuruhjaya”.

Pindaan seksyen 21

8. Seksyen 21 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “sesuatu badan” perkataan “atau seseorang pengawal data”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “badan itu” dengan perkataan “badan atau pengawal data itu”;
- (iii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “badan itu” dengan perkataan “badan atau pengawal data itu”;

- (iv) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “badan itu” dengan perkataan “badan atau pengawal data itu”; dan
 - (v) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “badan itu” dengan perkataan “badan atau pengawal data itu”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Badan itu” dengan perkataan “Badan atau pengawal data itu”;
- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “suatu badan yang sedia ada” dengan perkataan “suatu badan atau seorang pengawal data yang sedia ada”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “badan itu” dengan perkataan “badan atau pengawal data itu”; dan
- (d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “suatu badan yang sedia ada” dengan perkataan “suatu badan atau seorang pengawal data yang sedia ada”.

Seksyen baharu 43A

9. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 43 seksyen yang berikut:

“Hak kepada kemudahalihan data

43A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang subjek data boleh meminta pengawal data untuk menghantar data peribadinya kepada pengawal data pilihannya yang lain secara langsung dengan memberikan suatu notis secara bertulis melalui cara elektronik kepada pengawal data itu.

(2) Permintaan bagi kemudahalihan data yang disebut dalam subseksyen (1) adalah tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data.

(3) Apabila permintaan kemudahanilhan data di bawah subseksyen (1) diterima, pengawal data hendaklah menyempurnakan penghantaran data peribadi itu dalam tempoh yang ditetapkan.”.

Pindaan seksyen 48

10. Perenggan 48(e) Akta ibu dipotong.

Pindaan seksyen 67

11. Seksyen 67 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “, selepas berunding dengan Menteri”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “setakat yang dapat dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri.” dengan perkataan “mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya.”.

Pindaan seksyen 129

12. Seksyen 129 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memotong subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Bagi maksud subseksyen (1), Menteri boleh menentukan” dengan perkataan “Seseorang pengawal data boleh memindahkan mana-mana data peribadi seorang subjek data ke”; dan
 - (ii) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “, atau yang dapat digunakan bagi maksud yang sama seperti Akta ini”;

- (c) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1)” dengan perkataan “subseksyen (2)”;
 - (ii) dalam perenggan (f), dengan memasukkan perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
 - (iii) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “; atau” di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
 - (iv) dengan memotong perenggan (h);
- (d) dengan memotong subseksyen (4); dan
- (e) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1)” dengan perkataan “seksyen ini”.

Pindaan seksyen 136

13. Subseksyen 136(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) melalui cara elektronik;”.

Kecualian

14. (1) Apa-apa perintah, arahan, garis panduan atau notis yang dikeluarkan atau dibuat oleh Pesuruhjaya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dikeluarkan atau dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan hendaklah terus sah.

(2) Apa-apa tataamalan yang didaftarkan dan dikeluarkan oleh Pesuruhjaya sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan telah dikeluarkan atau dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini dan hendaklah terus sah.

(3) Apa-apa penyiasatan, perbicaraan, prosiding atau tindakan yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta 709”) untuk menambah baik peruntukan yang berhubungan dengan pemprosesan data peribadi supaya selaras dengan standard dan amalan antarabangsa.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am kepada Akta 709 untuk menggantikan perkataan “pengguna data” dengan perkataan “pengawal data” termasuk dalam nota bahu kecuali dalam takrif “daftar” di bawah seksyen 4, dan seksyen 9 Akta 709.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 709 untuk memasukkan takrif baharu “data biometrik” dan “pelanggaran data peribadi” ke dalam Akta 709 dan untuk meminda takrif tertentu yang sedia ada.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 709.

Perenggan 5(a) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang pemproses data hendaklah mematuhi Prinsip Keselamatan di bawah seksyen 9 Akta 709.

Perenggan 5(b) bertujuan untuk menaikkan kadar denda bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengawal data atau pemproses data yang melanggar Prinsip Perlindungan Data Peribadi masing-masing di bawah subseksyen 5(1) dan (1A) Akta 709.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan Penggal baharu 1A ke dalam Akta 709 yang terdiri daripada seksyen baharu 12A dan 12B.

Seksyen baharu 12A yang dicadangkan bertujuan untuk menghendaki pengawal data untuk melantik seorang atau lebih pegawai perlindungan data.

Seksyen baharu 12B yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tatacara yang berhubungan dengan pemberitahuan pelanggaran data.

7. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 709 untuk membolehkan Pesuruhjaya menamakan bukan sahaja suatu badan tetapi juga seorang pengawal data sebagai forum pengawal data berkenaan dengan golongan pengawal data yang khusus.
8. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 43A ke dalam Akta 709 untuk mengadakan peruntukan bagi hak kemudahanilhan data kepada subjek data tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data.
9. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 67 Akta 709 untuk memperuntukkan bahawa tatacara untuk membuka dan menyenggara mana-mana akaun bank hendaklah dikendalikan mengikut cara yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya.
10. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 129 Akta 709 untuk memperuntukkan bahawa seorang pengawal data boleh memindahkan mana-mana data peribadi subjek data ke mana-mana tempat di luar Malaysia jika di tempat itu ada berkuat kuasa mana-mana undang-undang yang sebahagian besarnya serupa dengan Akta 709 atau tempat itu memastikan suatu tahap perlindungan yang mencukupi berhubung dengan pemprosesan data peribadi yang sekurang-kurangnya setara dengan tahap perlindungan yang diberikan oleh Akta 709. Pada masa kini, seksyen 129 Akta 709 menghendaki bahawa data peribadi hanya boleh dipindahkan ke suatu tempat di luar Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*.
11. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 136 Akta 709 untuk mengadakan peruntukan bagi penyampaian suatu notis atau apa-apa dokumen lain kepada mana-mana orang dilaksanakan melalui cara elektronik di bawah Akta 709.
12. *Fasal 14* memperkatakan peruntukan kecualian.
13. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3353]